

# Lantikan Tun Mahathir ikut Perkara 43 (2)(a)

BH - 25/2/2020 w/d: 3

**Kuala Lumpur:** Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan melantik Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri interim mengikut Perkara 43 (2)(a) Perlembagaan Persekutuan.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali dalam kenyataan semalam, memaklumkan Al-Sultan Abdullah sebelum

itu turut berkenan menerima peletakan jawatan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri.

Sebagai Perdana Menteri interim, katanya, Dr Mahathir akan menguruskan pentadbiran negara sehingga Perdana Menteri serta anggota Kabinet baharu dilantik.

Dalam kenyataan susulan kemudian, Mohd Zuki memaklumkan, Seri Paduka atas nasihat

Perdana Menteri, juga berkenan membatalkan pelantikan menteri-menteri seperti diperuntukkan dalam Perkara 43 (5) Perlembagaan Persekutuan.

"Sehubungan itu, tugas anggota pentadbiran merangkumi Timbalan Perdana Menteri, menteri, timbalan menteri serta setiausaha politik adalah terhenti pada tarikh sama," katanya.

Terdahulu, Dr Mahathir yang

juga Ahli Parlimen Langkawi menghadap Seri Paduka di Istana Negara, dipercayai bagi memberi penjelasan mengenai peletakan jawatannya selain perkembangan terkini dalam Pakatan Harapan (PH) dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU).

Beliau meninggalkan Istana Negara kira-kira jam 6.20 petang, selepas hampir dua jam memasuki istana.